

SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

ANUGERAH PENERBITAN MAKALAH JURNAL

1. 3.5.1 Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal adalah satu pengiktirafan kepada staf akademik yang menghasilkan makalah jurnal dari segi kualiti dan kuantiti.
2. Anugerah terbuka kepada dua bidang seperti berikut:
 - i. Kategori Sains dan Teknologi.
 - ii. Kategori Sains Sosial.
3. Pemilihan calon bagi Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:
 - i. Makalah jurnal mesti telah diterbitkan pada tahun yang dinilai.
 - ii. Makalah jurnal mestilah beralamatkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
 - iii. Kualiti makalah jurnal yang diterbitkan dari segi berwasit/berindeks dalam ISI Thompson atau SCOPUS/mempunyai faktor impak.
 - iv. Makalah jurnal mestilah karya asli penulis dan calon mestilah penulis utama atau penulis penghubung (corresponding author) beralamatkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
 - v. Makalah jurnal yang mempunyai sedikit perbezaan/kesinambungan atau pernah dihantar untuk pencalonan adalah tidak layak untuk bertanding.
 - vi. Calon perlu menghantar **HANYA SATU (1)** sahaja makalah jurnal untuk dipertandingkan dan dinilai bagi kategori Penerbitan Makalah Jurnal.
 - vii. Calon **WAJIB** menghantar salinan digital makalah jurnal (makalah penuh) dalam format PDF.
 - viii. Calon memastikan borang pencalonan dihantar dengan **LENGKAP**.